

HARI : RABU
TARIKH : 13/11/2019
M/SURAT : 13

Tingkat keluaran daging domestik

Kuala Lumpur: Kerajaan melihat keperluan menggiatkan lagi pengeluaran daging lembu domestik dan mempelbagaikan negara sumber import bekalan itu pada masa depan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata ketika ini keupayaan membekalkan daging tempatan hanya sekitar 22 peratus, manakala 78 peratus dibeli dari luar negara.

"Antara masalah dikenal pasti adalah kos makanan ternakan terlalu tinggi. Ada keperluan Dasar Makanan Haiwan Kebangsaan dipperkenalkan, selain mempelbagaikan sumber import," katanya.